

Soalan No: 30

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]

TARIKH : 25.10.2016

SOALAN :

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah bangunan kekal SMK Bongkol, Pitas dapat dibina sedangkan bangunan ini telah menumpang lebih satu dekad.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek membina 18 bilik darjah gantian penuh dan lain-lain kemudahan seperti asrama untuk 200 pelajar, 16 unit Rumah Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bongkol, Pitas, Sabah telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1 Tahun 2016-2017*. Pelaksanaan projek kini dalam proses penyediaan reka bentuk awal. Kerja-kerja fizikal dijangka dapat dimulakan pada suku ketiga tahun 2017.

RJM15